

12/03/2000

Bahagian diminta terima nasihat MT

KUALA LUMPUR: Bahagian yang belum mengadakan mesyuarat perwakilan memilih senarai calon Majlis Tertinggi (MT) Umno pada pemilihan parti itu Mei depan, diminta menerima nasihat MT supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, nasihat MT supaya dua jawatan itu tidak dipertandingkan dibuat kerana mementingkan kestabilan dalam parti dan memberi peluang kepada Umno memulihkan kedudukannya.

Beliau berkata, ia juga bertujuan memastikan Umno menjadi parti yang semakin kukuh dan sekali gus tidak terdedah kepada masalah dalaman dari segi pertandingan untuk jawatan tertinggi dan sebagainya.

"Namun demikian MT sedar bahawa ini (jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan) adalah dalam bentuk nasihat dan bahagian ada hak untuk membuat keputusannya sendiri," katanya selepas menyaksikan pertunjukan sulung pasukan aerobatik terkemuka dari Perancis, La Patrouille de France di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, dekat sini, pagi semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada keputusan Umno bahagian Tanah Merah, Kelantan mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu, Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dalam pemilihan pucuk pimpinan parti itu Mei depan bertentangan dengan nasihat MT supaya dua jawatan berkenaan tidak dipertandingkan.

Ini adalah pencalonan pertama bagi Tengku Razaleigh untuk jawatan itu. Sebelum ini, beliau mendapat satu pencalonan untuk jawatan Naib Presiden daripada Umno bahagian Grik.

Untuk bertanding jawatan Presiden, Tengku Razaleigh memerlukan sokongan 30 peratus atau 50 daripada 165 bahagian Umno. Bagi jawatan Timbalan Presiden pula, beliau memerlukan sokongan 25 peratus daripada keseluruhan bahagian dalam parti.

Semua 165 bahagian Umno dikehendaki menyelesaikan persidangan perwakilan mereka sebelum 31 Mac ini.

MT dalam mesyuaratnya pada 3 Januari lalu menasihatkan anggota parti supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan bagi menjamin perpaduan parti.

Ia juga mencadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kekal di jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Abdullah mengambil alih jawatan kedua tertinggi parti itu.

Ditanya sama ada tindakan boleh dikenakan terhadap Umno bahagian Tanah Merah kerana membuat keputusan mengingkari nasihat MT, Najib berkata, tiada sebarang tindakan akan diambil kerana ia (menentukan calon bertanding pada pemilihan parti Mei ini) adalah hak bahagian.

Di PADANG BESAR, Ketua Badan Perhubungan Umno Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, keputusan Umno bahagian Tanah Merah mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan Mei ini adalah hak mereka.

Bagaimanapun, menurutnya, Umno bahagian itu sewajarnya akur dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya dua jawatan tertinggi parti itu tidak dipertandingkan yang bertujuan untuk memastikan Umno terus mantap dan tidak berpecah.

"Apa pun, terpuhlamlah kepada Umno bahagian masing-masing. Itu adalah

hak mereka (Umno bahagian Tanah Merah) untuk mencalonkan sesiapa yang difikirkan layak.

"Saya tetap dengan pendirian bahawa dua jawatan tertinggi parti iaitu Presiden dan Timbalan Presiden tidak perlu ditandingi, sebagaimana yang diputuskan oleh MT," katanya selepas mengadakan lawatan ke tapak projek Bakau Jaya Sdn Bhd, Gapura Square semalam.

Shahidan yang juga Menteri Besar diminta mengulas mengenai keputusan Umno bahagian Tanah Merah, Kelantan mencalonkan pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, Jumaat lalu.

Umno Perlis, katanya, akan tetap menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan Mei ini.

Sementara itu di ALOR STAR, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yakin semua bahagian Umno di Kedah yang belum mengadakan persidangan akan mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai presiden dan timbalan presiden.

Beliau berkata, walaupun Umno Tanah Merah mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah untuk kedua-dua jawatan itu, Umno Kedah tetap tegas bahawa jawatan berkenaan tidak perlu dipertandingkan selaras nasihat Majlis Tertinggi (MT).

"Kita di Kedah menyokong nasihat MT. Jika bahagian di negeri lain mencalonkan orang lain, itu adalah demokrasi," katanya mengulas pencalonan Tengku Razaleigh oleh bahagian Tanah Merah untuk jawatan presiden dan timbalan.

Setakat semalam, dua bahagian di Kedah telah mengadakan persidangan masing-masing, iaitu Padang Terap dan Sik. Kedua-dua bahagian berkenaan mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah.

(END)